

Penyakit buah pinggang semakin serius

Oleh Agnes Tugong

KUCHING: Penyakit buah pinggang kini merupakan masalah kesihatan awam yang serius di Malaysia dengan 700 hingga 800 pesakit baharu didiagnosis mengalami kegagalan buah pinggang setiap tahun di Sarawak.

Pakar Runding Nefrologi Hospital Umum Sarawak (HUS) Dr Clare Tan Hui Hong berkata secara keseluruhan, terdapat lebih 4,800 pesakit yang sedang menjalani dialisis pada masa ini di Sarawak.

Katanya berdasarkan kajian kesihatan kebangsaan yang dijalankan pada 2011 dan 2018, peratusan rakyat Malaysia yang menghidap penyakit buah pinggang meningkat daripada 9 peratus kepada 15.5 peratus.

Ini bermakna katanya, kira-kira satu daripada enam hingga tujuh orang berisiko menghidap penyakit ini dan kajian lanjutan dijangka dilakukan dalam beberapa tahun akan datang untuk menilai trend terkini.

"Jadi kita perlu memberi fokus kepada pencegahan penyakit buah pinggang, kesedaran risiko, supaya kita dapat memperlahankan peningkatan jumlah pesakit kegagalan buah pinggang ini.

"Kita juga berharap sambutan Hari Buah Pinggang dan pelbagai usaha lain dapat mengurangkan kadar ini, supaya kita dapat lihat penurunan dan bukan peningkatan angka ini pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui pada sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan di The Hills di sini semalam.



PERIKSA: Orang ramai menjalani pemeriksaan kesihatan yang dibuka sempena sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia di The Hills, Kuching.

● Seramai 700 hingga 800 pesakit baharu didiagnosis mengalami kegagalan buah pinggang setiap tahun di Sarawak

Tambah Dr Tan, dari segi fasiliti rawatan, terdapat kira-kira 25 fasiliti kerajaan yang menyediakan pusat dialisis di Sarawak dengan satu lagi

pusat dialisis baharu akan dibuka pada hujung tahun ini di Klinik Kesihatan (KK) Selangau.

"Bagi fasiliti kerajaan, kita ada

hampir 20 pusat dialisis di seluruh Sarawak dan bagi pusat amal pula terdapat kira-kira 12 pusat dialisis.

"Tetapi terdapat juga beberapa pusat lain yang masih dalam perancangan dan akan beroperasi tidak lama lagi bagi menyediakan kemudahan dialisis kepada pesakit.

"Namun, saya rasa selain daripada kemudahan dialisis, yang lebih penting adalah pencegahan," katanya.

◆ [Lihat Muka 2](#)

Penyakit buah pinggang semakin serius

► **Dari Muka 1**

Sementara itu, Hari Buah Pinggang Sedunia disambut setiap tahun untuk mempromosikan kesihatan buah pinggang, meningkatkan kesedaran mengenai pen-

yakit buah pinggang dan tema tahun ini 'Kesan Awal, Lindungi Kesihatan Buah Pinggang'.

Sempena sambutan di Kuching semalam pelbagai aktiviti diadakan bagi pengisian sambutan seperti

pemeriksaan kesihatan, pameran pendidikan kesihatan, ceramah penyakit buah pinggang, pertandingan mewarna, senamrobik dan cabutan bertuah.

Hadir sama Presiden Kelab Rotary Kuching selaku

rakan penaja Charlie Ong, Koordinator Unit Wilayah, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Kota Samarahan Nur Ezzatul Sahadah Jelani dan Pemegang COR NKF Kota Samarahan Dr Nurizaidah Ishak.